

**Chor Cadang Semua Anggota Parlimen Diberi Peruntukan Selenggara Jalan Bernama**  
**24 Mac, 2012**

ALOR SETAR, 24 Mac (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung mencadangkan supaya semua Anggota Parlimen diberikan peruntukan tambahan bagi tujuan menurap dan menyelenggara jalan-jalan kampung yang rosak demi keselesaan dan keselamatan rakyat.

Chor yang juga Anggota Parlimen Alor Setar, berkata ini kerana banyak rungutan daripada penduduk kampung yang mengadu mereka tidak menikmati jalan tar.

"Bagi satu kilometer jalan tar menelan kos kira-kira RM85,000. Jadi dengan peruntukan sedia ada tidak cukup untuk setiap Ahli Parlimen meluluskan peruntukan yang besar untuk tujuan menurap dan menyelenggara jalan di semua tempat," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Surat Kuasa, Cek dan Bantuan Kecemasan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Alor Mengkudu di sini.

Beliau berkata perkara ini telah diajukan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada mesyuarat Kabinet baru-baru ini dan Perdana Menteri bersetuju mengkaji perkara ini dengan lebih serius serta mencari satu jalan penyelesaian terbaik.

Chor berkata setakat ini beliau telah membelanjakan RM300,000 untuk tujuan menurap dan memperbaiki jalan-jalan kampung yang rosak teruk serta memerlukan penyelenggaraan segera.

"Kita hanya mampu menurap jalan-jalan pada jarak yang pendek sahaja. Kebanyakan jalan kampung melebihi dua kilometer menyebabkan kebanyakan Ahli Parlimen tidak mampu untuk selesaikan masalah ini," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654612>